

DW 4.4: Cadangan Pembangunan Tanah Terbiar

Cadangan pembangunan tanah terbiar akan memfokus kepada galakan terhadap komuniti untuk memajukan tanah terbiar khususnya di dalam sektor pertanian dan penternakan. Konsep perkongsian ilmu pendidikan, penyelidikan serta latihan mengenai sesuatu aspek dalam pembangunan projek menerusi 'Model Perniagaan Komuniti' perlu ditekankan kepada masyarakat bagi memastikan pemindahan ilmu dan praktis yang berterusan.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Membangunkan tanah terbiar ke arah mewujudkan penggunaan tanah pertanian yang proaktif dan memberi pulangan kepada pengusaha.
- Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan.

Komponen Cadangan:

- Pemilik tanah perlu tampil dan memohon untuk menyertai Projek Tanah Terbiar.
- Pemilik/pengusaha bersedia mengeluarkan modal pembangunan dan penyelenggaraan.
- Pemilik memajukan tanah kepada pengusaha pertanian yang lain.
- Menganjurkan kursus berkaitan teknologi pertanian kepada pengusaha.
- Menyediakan pemberian insentif kewangan kepada tuan tanah pertanian terbiar bagi mengusahakan tanah mereka.
- Menyediakan kemudahan sokongan seperti benih tanaman yang disahkan, baja dan khidmat nasihat oleh Jabatan Pertanian.
- Pemulihan tanah terbiar berasaskan 'Model Perniagaan Komuniti' merujuk sekeping tanah persendirian atau awam yang diselenggara komuniti secara berkumpulan di kawasan sekitar mereka.
- **Cadangan tanaman makanan (buah-buahan) untuk pembangunan tanah terbiar (tanah darat) seluas 728.59 hektar.**

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah dan Pemilik Tanah).



Info Ringkas

TANAH TERBIAR

Tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut.

CADANGAN LOKASI

Cadangan pembangunan tanah terbiar melibatkan 868 lot tanah atau 1,117.79 hektar.

Daerah	Tanah Darat	
	Bil. Lot	Luas (Hektar)
Muar	146	280.58
Segamat	369	446.44
Tangkak	2	1.57
Jumlah	517	728.59

Daerah	Tanah Sawah	
	Bil. Lot	Luas (Hektar)
Muar	86	69.60
Segamat	241	302.43
Tangkak	24	17.17
Jumlah	351	389.20

Daerah	Jumlah Keseluruhan (Tanah Darat & Tanah Sawah)		
	Bil. Lot	Luas (Hektar)	%
Muar	232	350.18	31.33
Segamat	610	748.87	67.00
Tangkak	26	18.74	1.68
Jumlah	868	1,117.79	100.00

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian • Pejabat Daerah • Pemilik Tanah 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian • Pengusaha • Koperasi • Majlis Belia • Pemilik Tanah

ANGGARAN KOS

- Kos Anggaran: RM20,000 (per hektar)

Jumlah Keseluruhan Kos : RM 22,355,800

FASA PELAKSANAAN



Terdapat lima (5) faktor utama yang menyebabkan kewujudan tanah terbiar. Antaranya faktor-faktor yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut.


Rajah 4.39: Faktor-faktor kewujudan tanah terbiar



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021


Sehubungan itu, dicadangkan beberapa program dan langkah strategik bagi menyelesaikan masalah tanah terbiar ini. Antara galakan pembangunan serta program pemulihan tanah terbiar yang berpotensi dilaksanakan adalah seperti berikut.

Rajah 4.40: Program Pemulihan Tanah Terbiar



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Rajah 4.41: Model Perniagaan Komuniti



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021